

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[LEMBAH PANTAI – PKR]**

TARIKH : 17 MAC 2015 (SELASA)

SOALAN (NO. 16)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan kegagalan Malaysia di temasya sukan antarabangsa seperti Sukan Komanwel dan Olimpik berbanding dengan negara-negara yang mempunyai peruntukan dana lebih kecil berbanding Malaysia, seperti Mongolia yang cuma memperuntukkan USD2 juta bagi sukan Olimpik 2012, tetapi memenangi 2 pingat emas.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian mengakui bahawa kontinjen negara gagal negara mencapai sasaran yang ditetapkan di Sukan Komanwel 2014, Sukan Asia 2014 dan Sukan Olimpik 2012. Justeru itu, hasil daripada '*Post Mortem*' prestasi kontinjen negara di Sukan Komanwel dan Sukan Asia, pihak Kementerian telah melantik pakar sukan luar negara yang berpengalaman di institut-institut sukan Australia untuk mengaudit pengurusan sukan prestasi tinggi negara.
2. Laporan audit tersebut menekankan kepada tiga (3) faktor utama yang perlu diberi perhatian oleh pemegang taruh sukan negara iaitu:
 - I. Titik persamaan aspirasi sukan dikalangan pemegang-pemegang taruh,
 - II. Kepertanggungjawaban yang jelas dalam sukan dikalangan pemegang-pemegang taruh,
 - III. Kesedaran untuk berubah kepada pembaharuan dikalangan pemegang-pemegang taruh.
3. Justeru itu, pihak kementerian telah menggerakkan transformasi sukan negara dengan menstrukturkan semula pengurusan sukan prestasi tinggi negara melalui 2 pendekatan utama iaitu 'pengurusan prestasi' dan 'pengurusan program'.

4. Adalah tidak adil untuk kita membuat perbandingan dengan negara lain seperti Mongolia kerana bagi negara-negara yang mempunyai peruntukan dana lebih kecil, mereka hanya memberi tumpuan bantuan kepada sukan yang benar-benar memberi harapan pingat sahaja seperti yang dilakukan oleh negara Mongolia.

Sekian, terima kasih.